

Ciri dan pengaruh stereotaip feminin terhadap pengurusan dalam kalangan penjawat awam (The features and implication of feminine stereotypes in public service management)

Abstract

Artikel ini meneliti tentang ciri dan pengaruh stereotaip feminin terhadap pengurusan dalam kalangan penjawat awam wanita di Pejabat Pendidikan Daerah Keningau, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah utama kajian dengan melibatkan temu bual semi-berstruktur, penyelidikan perpustakaan dan kajian kes. Seramai lima orang responden telah dipilih untuk mengenal pasti ciri dan pengaruh stereotaip feminin terhadap pengurusan. Hasil kajian menunjukkan wujudnya ciri stereotaip feminin dalam kalangan penjawat awam wanita di Pejabat Pendidikan Daerah Keningau, Sabah dan pengaruhnya terhadap pengurusan iaitu kerja dan kehidupan. Oleh itu, beberapa cadangan yang bersesuaian seperti memberi latihan dan pembangunan untuk mengatasi kelemahan, meningkatkan kemahiran dalam pengurusan dan kehidupan, memberi bimbingan dan kaunseling perlu dilakukan sebagai langkah untuk mengatasi masalah berkaitan dengan pengurusan dan kehidupan bagi mengubah stereotaip gender oleh masyarakat di Sabah, khususnya dan di Malaysia amnya.